



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

ISNIN, 8 JANUARI 2024

LAPORAN HARIAN





UKK KPWK



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

8/1/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
1	JKM MELAKA KESAN IBU BAPA EKSPLOITASI KUDRAT ANAK CARI DUIT	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/01/1048058/jkm-melaka-kesan-ibu-bapa-eksploitasi-kudrat-anak-cari-duit	HMETRO.COM.MY
	https://www.melakahariini.my/jkm-selamatkan-kanak-kanak-dipercayai-dieksplotasi/	MELAKAHARIINI.MY
	https://www.hotfm.audio/seorang-ibu-kantoi-suruh-anak-bernyanyi-sehingga-3-pagi-mampu-kutip-sehingga-rm12000-sebulan/	HOTFM.AUDIO
	https://malysiagazette.com/2024/01/07/ibu-eksploitasi-anak-di-melaka-raih-lebih-rm12000-sebulan/	MALYSIAGAZETTE.COM
	https://www.utusan.com.my/nasional/2024/01/eksploitasi-kanak-kanak-di-banda-hilir-dua-beradik-menyanyi-setiap-hari-raih-kutipan-rm12000-sebulan/	UTUSAN.COM.MY
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/01/1197187/kerah-kudrat-si-kecil-demi-pendapatan-lumayan	BHARIAN.COM.MY
	https://www.kosmo.com.my/2024/01/07/ibu-suruh-anak-bernyanyi-sampai-3-pagi-kutip-rm12000-sebulan/	KOSMO.COM.MY
	https://www.astroawani.com/videos/video-terkini-x7sio1/raih-belasan-ribu-eksploitasi-anak-bawah-umur-jadi-penyanyi-jalanan-x8r8jdu	ASTROAWANI.COM
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/dua-beradik-bawah-umur-dipercayai-dieksplotasi-ibu-diselamatkan-jkm-453007	ASTROAWANI.COM
	https://www.youtube.com/watch?v=duylgqthgWw	YOUTUBE
	https://www.kosmo.com.my/2024/01/07/pendapatan-lumayan-punca-ibu-bapa-eksploitasi-anak/	KOSMO.COM.MY
	https://www.sinarharian.com.my/article/643056/berita/semasa/video-dua-beradik-bawah-umur-nyanyi-di-jalanan-raih-rm10000-sebulan	SINARHARIAN.COM.MY
	https://www.youtube.com/watch?v=N1uclSJ1KnE	YOUTUBE
	https://www.youtube.com/watch?v=aY4HO8clgEo	YOUTUBE
	https://www.utusan.com.my/nasional/jenayah/2024/01/eksploitasi-kanak-kanak-di-banda-hilir-dua-beradik-menyanyi-setiap-hari-raih-kutipan-rm12000-sebulan/	UTUSAN.COM.MY



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWKM

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my

f t i kpwkm

8/1/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
2	672 MANGSA BANJIR DI JOHOR, PAHANG SETAKAT JAM 2.30 PETANG	
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/01/1197244/672-mangsa-banjir-di-johor-pahang-setakat-jam-230-petang	BHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
3	WIRA APM TERLANTAR AKIBAT MELECUR PERLU BANTUAN	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/01/1048006/wira-apm-terlantar-akibat-melecur-perlu-bantuan	HMETRO.COM.MY
	https://www.nst.com.my/news/nation/2024/01/998198/more-year-apm-volunteer-still-undergoing-burn-rehabilitation	NST.COM.MY
	https://www.utusanborneo.com.my/2024/01/07/wira-apm-melecur-lalui-pemulihan-memeritkan	UTUSANBORNEO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
4	DR WAN AZIZAH BERI SUMBANGAN KEPADA OKU HIDAP PELBAGAI PENYAKIT	
	https://www.sinarharian.com.my/article/643097/berita/nasional/dr-wan-azizah-beri-sumbangan-kepada-oku-hidap-pelbagai-penyakit	SINARHARIAN.COM.MY
	https://selangorkini.my/2024/01/dr-wan-azizah-sampai-sumbangan-kepada-pemuda-oku-hidap-pelbagai-penyakit/	SELANGORKINI.MY
	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2260206	BERNAMA.COM
	https://www.wilayahku.com.my/oku-fizikal-dapat-perhatian-wan-azizah/	WILAYAHKU.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
5	FROM HUMAN TRAFFICKING VICTIM TO ACADEMIC HIGH ACHIEVER	
	https://www.nst.com.my/news/nation/2024/01/998186/human-trafficking-victim-academic-high-achiever	NST.COM.MY



UKK KPWK



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

8/1/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
6	BANTUAN SEHINGGA RM1,000 BUAT ANAK PENGAWAL KESELAMATAN MATI DIBUNUH	
	https://www.sinarharian.com.my/article/643136/edisi/perak/bantuan-sehingga-rm1000-buat-anak-pengawal-keselamatan-mati-dibunuh	SINARHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
7	LINDUNG WARGA EMAS DIPINGGIR KELUARGA	
	https://www.hmetro.com.my/utama/2024/01/1047913/lindung-warga-emas-dipinggir-keluarga	HMETRO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
8	EMPAT BUAH KELUARGA BERLINDUNG DI PPS DAERAH ROMPIN	
	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/empat-buah-keluarga-berlindung-di-pps-daerah-rompin	BERITA.RTM.GOV.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
9	PENGASUH DITAHAN DIPERCAYAI DERA KANAK-KANAK	
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/01/1197385/pengasuh-ditahan-dipercayai-dera-kanak-kanak	BHARIAN.COM.MY
	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2260315	BERNAMA.COM
	https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/01/07/ampang-babysitter-nabbed-for-child-abuse	THESTAR.COM.MY
	https://thesun.my/local_news/police-nab-caregiver-suspected-of-child-abuse-LM11955961	THESUN.MY
	https://www.bernama.com/en/crime_courts/news.php?id=2260316	BERNAMA.COM



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



UKK KPWK


www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

8/1/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
10	BAYI EMPAT BULAN MAUT DI RUMAH PENGASUH	
	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/bayi-empat-bulan-maut-di-rumah-pengasuh	BERITA.RTM.GOV.MY
	https://selangorkini.my/2024/01/polis-bayi-empat-bulan-maut-akibat-cedera-di-kepala/	SELANGORKINI.MY
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/bayi-empat-bulan-maut-akibat-cedera-di-kepala-453064	ASTROAWANI.COM
	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2260304	BERNAMA.COM
	https://www.utusan.com.my/berita/2024/01/bayi-lelaki-empat-bulan-meninggal-dunia-di-rumah-pengasuh/	UTUSAN.COM.MY
	https://www.sinarharian.com.my/article/643130/berita/semasa/bayi-4-bulan-maut-akibat-cedera-di-kepala	SINARHARIAN.COM.MY
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/01/1197359/bayi-4-bulan-meninggal-selepas-menyusu-di-rumah-penjaga	BHARIAN.COM.MY
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/01/1048113/bayi-menyusu-botol-tiba-tiba-tidak-sedarkan-diri-meninggal-dunia	HMETRO.COM.MY
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2024/01/07/police-probe-mystery-death-of-4-month-old-baby/	FREEMALAYSIATODAY.COM
	https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/01/07/four-month-old-baby-dies-of-head-injuries-in-nilai	THESTAR.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
11	BAYI DIBUANG DI HADAPAN PUSAT TAHFIZ	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/01/1048105/bayi-dibuang-di-hadapan-pusat-tahfiz	HMETRO.COM.MY
	https://www.kosmo.com.my/2024/01/07/pelajar-tahfiz-temui-bayi-perempuan-bertali-pusat-di-dalam-kotak/	KOSMO.COM.MY
	https://www.sinarharian.com.my/article/643142/berita/semasa/pelajar-tahfiz-jumpa-bayi-dalam-kotak	SINARHARIAN.COM.MY



JKM Melaka kesan ibu bapa eksploitasi kudrat anak cari duit

Amir Mamat
am@hmetro.com.my



EXCO Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti Melaka Datuk Kalsom Noordin bersama Pengarah JKM Melaka Zulkifli Hanifah (kan) menyoal ibu kepada kanak-kanak lelaki yang menyanyi di kaki lima pusat beli-belah di Banda Hilir. FOTOT AMIR MAMAT

Melaka: Demi pendapatan lumayan, ada segelintir ibu bapa didakwa sanggup mengeksploitasi anak mereka dengan menyanyi di kaki lima pusat beli-belah di Banda Hilir, di sini, bagi meraih pendapatan hasil sumbangan orang ramai yang dianggarkan mencecah belasan ribu ringgit sebulan.

Dengan alasan untuk membantu mencari sumber pendapatan orang tua mereka, kanak-kanak itu dikatakan dipaksa bersenggang mata dan menghabiskan masa cuti persekolahan dengan menyanyi di kaki lima yang menjadi antara laluan utama pengunjung ke pusat beli-belah berkenaan.

Tindakan yang dianggap 'mengerah kudrat si kecil' itu dikesan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) negeri menerusi operasi khas yang dijalankan di sekitar pusat pelancongan itu, malam tadi.

Pengarah JKM negeri Zulkifli Hanifah berkata, operasi terbabit dijalankan selepas menerima banyak aduan orang awam terhadap kes seumpama itu kebanyakannya berlaku di kawasan pusat bandar yang menjadi tumpuan pelancong.

Malah, katanya, pihaknya menerima 30 kes berulang membabitkan eksploitasi kanak-kanak yang dilakukan sendiri oleh penjaga atau ibu bapa mereka.

Beliau berkata, perkara itu mungkin didorong oleh pendapatan yang lumayan mampu diperoleh saban malam terutama pada hujung minggu dan cuti umum.

"Ini jelas apabila ibu kepada dua kanak-kanak berusia 13 dan 15 tahun yang kita kesan (malam tadi) mengakui wang sumbangan tabung itu mampu diperoleh antara RM350 hingga RM600 satu malam.


"Ketiga-tiga kanak-kanak terbabit dibawa ke Pejabat JKM negeri untuk tindakan lanjut mengikut Akta Kanak-Kanak 2021 atau Akta 611," katanya selepas menyertai operasi yang diketuai Exco Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti negeri Datuk Kalsom Noordin di Banda Hilir.

Mengulas lanjut, beliau berkata, operasi terbabit dijalankan bagi mengekang perkara itu daripada berleluasa kerana boleh mengganggu ketenteraman pengunjung khususnya di tempat tumpuan ramai.

Katanya, pihaknya sedang menjalankan siasatan lanjut bagi mengesan sekiranya terdapat pembabit dalang lain yang melindungi aktiviti eksploitasi kanak-kanak oleh ibu bapa atau penjaga mereka.

"Siasatan lanjut akan dijalankan bagi mengesan pihak itu selain memastikan kegiatan terbabit tidak menjadi 'trend' yang boleh merosakkan usaha kerajaan negeri dalam menyambut Tahun Melawat Melaka 2024," katanya.

- tamat



672 mangsa banjir di Johor, Pahang setakat jam 2.30 petang

Oleh Ency Gracella Ajos - Januari 7, 2024 @ 3:13pm
bhnews@bh.com.my



Penghantaran bakul makanan JAKOA Kampung Orang Asli Punan dan pemantauan kawasan berisiko banjir berikutan amaran hujan berterusan kategori waspada di Johor sehingga hari ini. - Foto ihsan APM JOHOR

KUALA LUMPUR: Jumlah mangsa banjir di Johor meningkat kepada 503 orang berbanding 338 mangsa yang dilaporkan pagi tadi.

Berdasarkan portal Info Bencana Banjir Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), setakat jam 2.30 petang, seramai 503 mangsa daripada 134 keluarga ditempatkan di 17 pusat pemindahan sementara (PPS) di Kluang, Segamat, Kota Tinggi, Kulai dan Johor Bahru.

"Mangsa banjir di Johor membabitkan 94 kanak-kanak lelaki, 79 kanak-kanak perempuan, 157 lelaki dewasa, 162 perempuan dewasa, sembilan orang kurang upaya (OKU) yang masing-masing tujuh lelaki dan dua perempuan," katanya.

Sementara itu, di Pahang katanya seramai 169 mangsa banjir daripada 37 keluarga ditempatkan di tujuh PPS.

"Antara PPS yang dibuka ialah Dewan Orang Ramai Bukit Ibam; Dewan Semai Bakti Chini 3; Dewan Semai Bakti Chini 1; Balai Raya Kg Gumum; Dewan Semai Bakti Felda Chini Timur 3; Balairaya Batu Gong dan Pusat Pemindahan Banjir Kampung Setajam.

"Mangsa banjir di Pahang terdiri daripada 55 lelaki dewasa, 58 perempuan dewasa, 26 kanak-kanak lelaki, 18 kanak-kanak perempuan dan seorang OKU lelaki," katanya



Wira APM terlantar akibat melecür perlu bantuan

BERNAMA



Julia Jemat, 56, bersama anaknya Mohamad Syafiq Mohamad Ali Hanafiah, 34, yang melecür 75 peratus badannya semasa menyelamatkan mangsa kebakaran pada 28 Ogos lalu, ketika ditemui pemberita di Pangasapuri Sutong Height Fasa II, hari ini. FOTO BERNAMA

Kuching: Selepas berdepan detik hitam hampir meragut nyawa, Mohamad Syafiq Mohamad Ali Hanafiah, 34, yang melecür 75 peratus badannya ketika mahu menyelamatkan mangsa kebakaran pada 28 Ogos tahun lalu, kini terlantar kesakitan dan melalui fasa pemulihan yang memeritkan.

Kisah keberanian namun menyayat hati anggota sukarelawan Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) itu mendapat perhatian media tempatan serta wakil rakyat Sarawak, apatah lagi insan yang bertungkus-lumus menguruskan rawatan Mohamad Syafiq ialah ibunya sendiri, Julia Jemat, 56, yang juga seorang ibu tunggal.

Menurut Julia, anak keempat daripada enam beradik itu sudah dicaj dari hospital pada hujung November lalu dan buat masa ini menerima penjagaan mencuci luka di rumah yang ditawarkan sebuah klinik swasta secara percuma.

"Luka (Mohamad Syafiq) perlu dibalut sekali setiap dua hari dan memang Syafiq perlu kuat semangat kerana proses itu sangat memedihkan. Luluh hati saya melihatnya meraung tahan kesakitan sehingga tidak dapat tidur.

"Kami dimaklumkan proses pemulihan mengambil masa setahun untuk keseluruhan luka di badannya itu kering serta tiga tahun untuk pulih sepenuhnya," katanya ketika ditemui di kediamannya, baru-baru ini.

Julia mengakui pendapatannya sebagai tukang masak di Pusat Pemulihan Narkotik (Puspen) Kuching tidak mencukupi untuk menampung kos rawatan anak lelaki sulungnya yang menelan perbelanjaan kira-kira RM3,000 sebulan membabitkan kos perubatan dan makanan sahaja.

"Sekarang, doktor menyarankan anak saya menjalani kelas fisioterapi sebab dia tidak boleh bergerak sendiri, jadi perlu masuk kelas sekurang-kurangnya dua atau tiga kali seminggu dengan anggaran kos yang perlu kami tanggung hampir RM3,000 sebulan bagi sesi fisioterapi sahaja," katanya yang turut menjual nasi lemak bagi menampung kos sara hidup.

Sebelum ini, Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti (KPWK) Sarawak Datuk Seri Fatimah Abdullah dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Batu Kintang Datuk Lo Khare Chiang dilaporkan melawat keluarga terabit serta memberi jaminan agar Mohamad Syafiq diberikan rawatan sewajarnya.

"Berat mata memandang, berat lagi bahu saya nak memikul. Saya berterima kasih dengan YB (Yang Berhormat) yang datang melawat dan hulurkan bantuan dan permudahkan urusan kami sekeluarga untuk memohon bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) serta Baitulmal.

"Untuk JKJ, YB Fatimah berikan bantuan antaranya katil, lampin, susu yang khusus untuk nutrisi serta bantuan sara hidup RM500 sebulan untuknya bermula Februari ini," katanya memaklumkan turut menanggung seorang lagi anak yang menghidap penyakit sawan.

Selain itu, katanya, Baitulmal dan Persatuan Kebajikan Harapan Kuching (Hope Place) juga menghulurkan sumbangan seperti peralatan, bakul makanan serta wang ringgit.

Menceritakan tragedi kebakaran membabitkan lima rumah di Rancangan Perumahan Rakyat (RPR) Batu Kawa, Julia berkata, niat murni Mohamad Syafiq meredah api marak demi menyelamatkan seorang kanak-kanak lelaki, bukanlah sesuatu yang di luar jangkannya kerana anaknya itu sememangnya ringan tulang sedari kecil dan tidak sanggup melihat orang sekelilingnya ditimpa kesusahan.

Mangsa, Zayyan Nazeem Zainal Abidin, 6, bagaimanapun tidak berjaya diselamatkan dan ditemukan rentung oleh anggota bomba ketika melakukan kerja 'overhaul' selepas api berjaya dipadam.

Berikutan insiden berkenaan, Mohamad Syafiq dilaporkan bertarung nyawa dan ditidurkan selepas dimasukkan ke zon merah Hospital Umum Sarawak dan disahkan mengalami kesan kebakaran tahap tiga.

Meskipun anaknya sehingga kini masih tidak dapat bertutur dengan jelas susulan kecederaan yang dialami, wanita itu menarik nafas lega apabila doktor mengesahkan ingatan serta penglihatan Mohamad Syafiq tidak terjejas sejeurus sedar daripada koma yang berlanjutan hampir sebulan.


"Dia memang anak harapan dan sentiasa membantu berkongsi rezeki kerana dia anak sulung lelaki dalam keluarga, namun saya anggap ini ujian daripada Tuhan.

Kami sekeluarga perlu sentiasa kuat mengharungi dugaan ini dan percaya dia akan sembuh, insya-Allah.

"Saya mempunyai masalah tulang belakang dan sepatutnya menjalani pembedahan, namun terpaksa ditangguhkan untuk menguruskan anak kerana dia masih perlu dibawa ke hospital untuk pemeriksaan secara berkala," katanya menahan sebak.

Pada Disember lalu, Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Sabah, Sarawak Dan Tugas-Tugas Khas) pada ketika itu, Datuk Armizan Mohd Ali, menganugerahkan Mohamad Syafiq 'Bintang Gagah Berani Pertahanan Awam' atas semangat kewiraan yang dipamerkannya.

Orang ramai yang ingin menghulurkan bantuan bagi meringankan beban keluarga ini boleh menyalurkan ke akaun Affin Bank bernombor 200418005895 atas nama Julia Jemat.



Dr Wan Azizah beri sumbangan kepada OKU hidap pelbagai penyakit

07 Januari 2024 03:29pm Masa membaca: 1 minit



Isteri Perdana Menteri yang juga Ahli Parlimen Bandar Tun Razak Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail melawat dan menyampaikan sumbangan kepada Nor Aliff Mohd Nor, 37, yang menghidap penyakit kronik pada Program Penyerahan Bantuan Khas di Perumahan Awam Sri Johor pada Ahad. Foto Bernama

KUALA LUMPUR - Isteri Perdana Menteri Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail hari ini menyampaikan sumbangan kepada pemuda Orang Kurang Upaya (OKU) Nor Aliff Mohd Nor, yang menghidap pelbagai penyakit di kediamannya di Perumahan Awam Sri Johor di Cheras di sini.

Selain cacat fizikal, Nor Alif, 37, juga menghidap penyakit jantung, kencing manis, gout dan lumpuh separuh badan, menetap bersama dua adik-beradik lain yang berusia 14 dan 16 tahun setelah kematian ibu bapa mereka.

Wan Azizah berkata, banyak perkara yang perlu dibantu dan difahamkan Nor Aliff juga ada berhutang dengan hospital yang menyebabkan rawatannya perlu dihentikan.

"Jadi, kita sedang usahakan untuk menyambung semula rawatannya itu. Kita juga akan bagi bantuan makanan untuk adik-adiknya selain akan cuba permudahkan urusan persekolahan mereka," kata Wan Azizah kepada pemberita selepas menyantuni pemuda berkenaan.

Dr Wan Azizah yang juga Ahli Parlimen Bandar Tun Razak berkata, Yayasan Wilayah Persekutuan turut menyumbangkan wang tunai dan bantuan bulanan RM500 daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), selain bantuan daripada Tabung Kebajikan serta Pelajaran Yayasan Wilayah Persekutuan.

Pada masa sama, Dr Wan Azizah turut mengalu-alukan mana-mana individu atau syarikat korporat yang prihatin untuk terus menyumbang kepada Yayasan Wilayah Persekutuan bagi membantu meningkatkan taraf hidup warga Wilayah Persekutuan. - Bernama



From human trafficking victim to academic high achiever

By Mary Victoria Dass - January 7, 2024 @ 12:39pm



A teenager who narrowly escaped falling victim to human trafficking at the age of nine months has been awarded with the Asean Leadership Scholarship to join Epsom College. -PIC CREDIT: FACEBOOK/THE ROYAL JOHOR

JOHOR BARU: A teenager who narrowly escaped falling victim to human trafficking at the age of nine months, 14 years ago, is now proving his potential through outstanding academic achievements.

The teenager, Sean Noah Zachariah, was one of four babies rescued by the police and the Department of Social Welfare (JKM). Unfortunately, his biological parents were not found, unlike the other babies who were handed over to their respective next of kin.

Sean Noah was raised in three care centres before becoming the adopted child of business person Padma Zachariah and her partner from Cheras, Selangor, who had no children after 15 years of marriage.

Padma said Sean Noah was adopted in 2013, and her husband took a three-year leave from work to be Sean Noah's caregiver during the initial period, while she managed the household and ran a small

"Sean Noah knows that he is an adopted child, and I believe that the facts related to adoption cannot be hidden or kept secret.

"What we went through was a beautiful process of shaping our small family. His academic achievements have been excellent from the beginning, a result of the caring community's role.

"We are grateful that, with the help of noble-hearted individuals, including the Tuanku Permaisuri of Johor Raja Zarith Sofiah Sultan Idris, Sean Noah was enrolled at Epsom College Malaysia in Bandar Enstek, Negri Sembilan, two years ago, where his talent began to shine.

"Last year, Sean Noah achieved an outstanding academic performance, actively participating in school marching band and competitive swimming," she said.

Earlier, Raja Zarith Sofiah said that, on the teenager's recent 14th birthday, Sean Noah sent a video thanking her for her significant assistance in his education.

"I am delighted that he (Sean Noah) is doing well, honing his talents, and contributing to the community at such a young age.

"I wish him the best for his future. I always believe that the community plays a role in a person's upbringing.

"The community bears the responsibility of helping pave the way towards a brighter future for the younger generation," she said.

Meanwhile, Sean Noah said he was grateful for his life.

"I consider myself a privileged teenager, being awarded the Asean Leadership Scholarship to join Epsom College, and the Permaisuri of Johor is one of the individuals who has inspired me.

"I plan to settle in Johor, my and my father's birth state, and serve the state and the people with every knowledge I acquire," he said in a post on The Royal Johor's Facebook account.



Bantuan sehingga RM1,000 buat anak pengawal keselamatan mati dibunuh

Oleh SAIFULLAH AHMAD [Follow](#) 07 Januari 2024 07:35pm [Masa membaca: 1 minit](#)



Salbiah (tengah) menyampaikan sijil penyertaan kepada peserta program sempena Majlis Minum Petang dan Penyampaian Sijil Program BFM siri pertama di sebuah hotel pada Ahad.

IPOH - Kerajaan Perak telah mengarahkan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) untuk melihat keperluan keluarga pengawal keselamatan yang dibunuh di sebuah tapak perkhemahan di Gunung Lang dekat sini pada Rabu lalu.

Exco Wanita, Keluarga, Kebajikan Masyarakat, Pembangunan Usahawan dan Koperasi Perak, Datuk Salbiah Mohamed berkata, keutamaan bantuan akan diberikan kepada anak-anak mangsa yang masih bersekolah.

Menurutnya, bantuan yang akan dipertimbangkan termasuklah bantuan bulan untuk keluarga berkenaan.

"Memang kita minta JKM untuk melihat keperluan-keperluan keluarga tersebut. Kalau anak yang bersekolah kita akan cuba dapatkan bantuan persekolahan anak-anak. Setakat ini kalau bantuan JKM, kita boleh beri sehingga RM1,000 bantuan untuk anak yang bersekolah."

"Jadi kita tengok berapa ramai anak yang bersekolah, berapa orang boleh dibantu. Setakat ini kita memang minta JKM cuba untuk santuni mereka. Kita akan cuba semampu yang boleh membantu mereka," katanya kepada pemberita selepas Majlis Minum Petang dan Penyampaian Sijil Program Penguasaan Asas Perniagaan (BFM) siri pertama di sebuah hotel di sini, pada Ahad.



Salbiah (empat dari kiri) bersama peserta program sempena Majlis Minum Petang dan Penyampaian Sijil Program BFM siri pertama di sebuah hotel pada Ahad.


Sinar Harian pada Sabtu menyiarkan kisah keluarga Allahyarham Razis Jamal, 41, yang hilang tempat bergantung.

Isteri mangsa, Nursyakinah Abdul Ghani, 33, berkata, keluarganya kini kehilangan sumber pendapatan kerana segala perbelanjaan hanya mengharapkan Allahyarham suaminya, Razis Jamal, 41.

Pada 3 Januari lalu, media melaporkan seorang pengawal keselamatan ditemui meninggal dunia dipercayai dibunuh di sebuah tapak perkhemahan di Gunung Lang.

Keadaan mangsa disedari orang awam sebelum memaklumkan kepada pihak polis sekitar jam 2.30 pagi.

Susulan kejadian itu seorang suspek berusia 31 tahun diberkas bagi membantu siasatan dan direman selama tujuh hari bermula 4 Januari.



Lindung warga emas dipinggir keluarga

Nurul Husna Mahmud
nurul_husna@metro.com.my



IBU bapa adalah enugerah yang istimewa buat setiap insan. Justeru itu, menjadi kewajipan setiap anak untuk menjaga kedua ibu bapa mereka. - Gambar hiasan. FOTO Anad NSTP

Warga emas yang diabaikan anak-anak bukanlah isu asing dan malah semakin menjadi barah dalam masyarakat.

Saban tahun ada saja kes warga emas ditinggalkan di tempat awam antaranya hentian rehat, surau, pusat membeli-belah seperti dilaporkan media.

Kafe Ahd mendapatkan Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) Jabatan Kebajikan Masyarakat WAN NORAIDAH WAN MOHD ZAIN bagi mengungkap permasalahan sebalik isu pengabaian oleh keluarga sendiri.

Iktu perkongsian berdasarkan kaca mata agensi yang turut memainkan peranan mencapai Dasar Warga Emas Negara (DWEN) dan Pelan Tindakan Warga Emas Negara (PTWEN) bersama wartawan **NURUL HUSNA MAHMUD**.



WAN Noraidah. FOTO Mohd Fadli Hamzah

Apakah realiti warga emas dipinggirkan keluarga sendiri termasuk anak-anak, adakah ini antara dilema perlu dihadapi JKM?

Realiti warga emas dipinggirkan oleh keluarga sendiri termasuk anak-anak adalah antara sebab warga emas ini dimasukkan ke institusi JKM.

Ini disebabkan pelbagai punca termasuklah hubungan tidak baik atau sejarah zaman muda warga emas itu dengan anak.

Berdasarkan Laporan Statistik Sebab-sebab Kemasukan Institusi Warga Emas (dalam tempoh 5 tahun), sebanyak 846 kes adalah membabitkan kes dipinggirkan atau pengabaian keluarga.

Antara sebab lain ialah sebatang kara, masalah kesihatan, ketidakupayaan, penjagaan, penderaan (emosi, fizikal dan mental), kemiskinan dan lain-lain.

Boleh puan kongsi peranan JKM sebagai agensi bertanggungjawab memberikan perlindungan kepada warga tua.

JKM berperanan memberi penjagaan dan perlindungan kepada warga emas yang daif demi menjamin kesejahteraan dan kualiti hidup mereka.

Dalam skop perkhidmatan JKM terdapat dua kategori iaitu di dalam institusi atau di luar institusi.

Bagi warga emas diberi penjagaan dan perlindungan di Institusi Kebajikan Warga Emas ialah mereka yang menghuni Rumah Seri Kenangan dan Rumah Ehsan.

Sementara di luar institusi kebajikan, kita menyantuni warga emas antaranya dengan bantuan bulanan RM500 sebulan dengan harapan warga emas dapat menjalani kehidupan dengan keluarganya.

Kita juga menyediakan Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) membolehkan warga emas terus aktif selaras dengan DWEN iaitu mendayapayakan individu, keluarga dan masyarakat demi membangunkan persekitaran yang membantu warga emas hidup sejahtera.

Ketika ini berapa ramai golongan warga emas ditempatkan di bawah pusat perlindungan JKM?

Secara keseluruhan terdapat 12 institusi warga emas di bawah JKM iaitu 10 buah Rumah Seri Kenangan dan dua buah Rumah Ehsan.

Rumah Seri Kenangan untuk warga emas berupaya menguruskan diri sendiri, sementara Rumah Ehsan untuk warga emas kategori terlanjut.

Walaupun bagaimanapun dua buah Rumah Seri Kenangan kini dalam proses naik taraf. Jumlah penghuni untuk 10 institusi beroperasi ketika ini seramai 1,253 orang.

Adakah kes membabitkan warga emas ditempatkan di institusi mencatatkan kenaikan atau penurunan?

Dalam kes warga emas dimasukkan ke dalam institusi ada naik dan turunnya berdasarkan trend statistik dalam tempoh lima tahun direkodkan oleh JKM. Kita sedia maklum catatan penurunan jumlah warga emas di institusi disebabkan penghuni meninggal dunia, bebas atau kembali kepada keluarga serta mendapat pekerjaan luar yang boleh menampung kehidupan mereka di luar institusi.

Sementara itu, pertambahan jumlah penghuni pula adalah disebabkan rujukan kes warga emas memerlukan penjagaan dan perlindungan.

Setakat hari ini adalah jumlah penempatan untuk pusat perlindungan warga emas adalah seiring dengan kes yang diterima?

Kemasukan warga emas ke institusi JKM adalah langkah terakhir. Sebelum warga emas ditempatkan ke institusi JKM, silasatan akan dijalankan dan beberapa alternatif dicadangkan mengikut kesesuaian kes.

Antara alternatif bagi memastikan penjagaan warga emas dapat dilaksanakan dalam komuniti, JKM juga menyediakan perkhidmatan Program Khidmat Bantu Di Rumah (KBDR) atau Home Help Services kepada warga emas yang tinggal keseorangan di rumah atau ahli keluarga tidak berkemampuan untuk menjaga mereka.

Perkhidmatan sokongan sosial disediakan oleh sukarelawan kepada warga emas. Sukarelawan akan datang ke rumah mengikut keperluan dan persetujuan warga emas bagi membantu mengemas rumah, membeli keperluan dapur, menemani ke bank atau hospital.

Setakat hari ini, Rumah Seri Kenangan (RSK) dan Rumah Ehsan masih berupaya menampung kes diterima dan memberi perlindungan kepada warga emas yang memerlukan. Sebagai alternatif, terdapat juga warga emas ditempatkan di Pusat Jagaan Warga Emas kendalian NGO mahupun swasta.

Boleh puan kongsi juga apakah kisah paling pilu membabitkan warga emas pernah pihak JKM kendalikan?

Kalau kita amati laporan yang disediakan pegawai JKM, kebanyakan mereka ini mempunyai sejarah lampau yang memilukan.

Antaranya pergaduhan dalam keluarga, ketika mudanya meninggalkan keluarga tanpa khabar berita, tidak mempunyai hubungan baik dengan keluarga dan hidup sebatang kara.

Kesudahannya mereka walaupun sudah meninggal dunia tidak dituntut ahli keluarga dan akan diuruskan institusi JKM.

Apakah nasihat Puan kepada generasi masa kini agar lebih menghargai ibu bapa mereka?

Menjadi kewajipan setiap anak menjaga kedua ibu bapa mereka dan memberi khidmat yang terbaik. Kami berharap program intergenerasi mengenai kesedaran menyayangi dan menjaga ibu bapa dan datuk nenek perlu diperhebatkan dengan penyertaan kerajaan, swasta dan korporat.

Isu perlindungan warga emas perlu dihayati dan ditangani secara kolaboratif strategik pelbagai pihak selaras dengan slogan, 'Kebajikan adalah tanggungjawab bersama'.

Santunilah ibu bapa dengan baik kerana satu masa nanti kita juga akan menjadi tua. Mulakan didikan dari rumah dan jadikan budaya dalam kehidupan masyarakat.



Empat buah keluarga berlindung di PPS daerah Rompin

Kategori: Nasional - Kemas kini: 07 Januari 2024 12:36 PM - Jumlah kunjungan: 81



Penduduk terjejas banjir dibawa ke PPS Dewan Orang Ramai Bukit Ibam

ROMPIN, 7 Januari- Seramai 19 penduduk terjejas banjir ditempatkan di sebuah pusat pemindahan sementara (PPS) melibatkan daerah Rompin, Pahang setakat pukul 12.00 tengah hari tadi.

Menurut Portal InfoBencana Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), empat buah keluarga berkenaan kini berlindung di PPS Dewan Orang Ramai Bukit Ibam.

Penduduk terjejas banjir tersebut dipindahkan sejak pukul 8.00 malam tadi ekoran kediaman mereka dinaiki air akibat limpahan air sungai berdekatan setelah hujan lebat berterusan sejak malam tadi.

Manakala, operasi pemindahan penduduk terjejas ke PPS dijalankan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia JBPM Rompin dan Angkatan Pertahanan Awam (APM).

Sementara itu, Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) mengeluarkan ramalan hujan lebat berterusan di Pahang iaitu di Pekan, Rompin dan Kuantan.

Berdasarkan ramalan yang dikeluarkan jabatan itu pada pukul 8.15 pagi tadi, hujan berterusan juga dijangka di seluruh Johor.



Pengasuh ditahan dipercayai dera kanak-kanak

Oleh Safeek Affendy Razali - Januari 7, 2024 @ 9:45pm
safeek@bh.com.my



Logo PDRM

AMPANG JAYA: Seorang wanita ditahan selepas disyaki mendera seorang kanak-kanak perempuan berusia empat tahun di sebuah rumah di Taman Ampang Indah, di sini.

Suspek yang juga pengasuh kepada mangsa terbabit ditahan Khamis lalu susulan laporan polis yang dibuat oleh bapanya yang menyedari terdapat kesan luka pada badannya.

Kejadian itu dipercayai berlaku pada 17 Disember lalu.

Ketua Polis Daerah Ampang Jaya, Asisten Komisioner Mohd Azam Ismail berkata, mangsa kemudian dibawa ke Hospital Ampang sebelum Pegawai Perubatan mengesahkan kesan kecederaan lama dan baru pada tubuhnya.

"Pengadu yang juga seorang tukang masak dalam laporan polis yang dibuat mendakwa terdapat kesan luka pada badannya.

"Pegawai perubatan mengesahkan terdapat kesan kecederaan lama serta baharu di belakang badan, muka, kedua-dua bahagian lutut dan kaki mangsa," katanya dalam kenyataan hari ini.


Mohd Azam berkata, pihaknya telah menahan seorang wanita berusia 39 tahun bagi membantu siasatan.

"Suspek adalah pengasuh kepada mangsa ketika ibunya keluar bekerja dengan bayaran RM800 sebulan.

"Ibu mangsa juga menyewa bilik di dalam rumah suspek dengan bayaran sewa sebanyak RM550 sebulan," katanya.

Katanya, semakan mendapati suspek tidak mempunyai rekod jenayah lampau.

"Wanita itu telah direman tujuh hari bermula Jumaat hingga Khamis bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 31(1)(a) Akta Kanak-Kanak 2001," katanya.



Bayi empat bulan maut di rumah pengasuh

Kategori: Nasional - Kemas kini: 07 Januari 2024 08:31 PM - Jumlah kunjungan: 119



Kenyataan pihak polis

NILAI, 7 Januari – Seorang bayi lelaki berusia empat bulan dilaporkan meninggal dunia akibat mengalami kecederaan di bahagian kepala.

Ketua Polis Daerah Nilai, Abdul Malik Hasim menerusi kenyataan memaklumkan terdahulu pada Jumaat pihaknya dihubungi Klinik Kesihatan Nilai kira-kira pukul 9.30 pagi, memaklumkan seorang bayi lelaki didapati meninggal dunia ketika berada bawah jagaan seorang wanita dari Rumah Rakyat Nilai.

Dalam siasatan awal, kira-kira pukul 8.30 pagi pengasuh tersebut memberi susu kepada bayi berkenaan kemudian diletakkan secara mengiring di atas toto.

"Tidak lama selepas itu penjaga mendapati terdapat susu yang mengalir keluar daripada mulut bayi berkenaan. Penjaga kemudian mengangkat bayi itu serta menepuk belakangnya serta meminta bantuan jiran membawa bayi tersebut ke Klinik Kesihatan Nilai," katanya menerusi kenyataan itu.

Berdasarkan pemeriksaan awal pihak klinik, tiada tanda-tanda bayi tersebut masih hidup berikutan tidak menunjukkan sebarang tindak balas semasa diperiksa.

Bedah siasat yang dijalankan pada Sabtu di Hospital Tuanku Jaafar, Seremban melaporkan punca kematian disebabkan kecederaan pada bahagian kepala dan tiada sebarang kesan kecederaan pada bahagian tubuh bayi tersebut.

Siasatan dijalankan mengikut Seksyen 31(1)(a) Akta Kanak-Kanak 2001 dan jika disabitkan kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM50,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua puluh tahun atau kedua-duanya.

Orang ramai dinasihatkan untuk tidak membuat sebarang spekulasi yang boleh mengganggu siasatan pihak polis.



Bayi dibuang di hadapan pusat tahfiz

Shaiful Shahrin Ahmad Pauzi
am@hmetro.com



GAMBAR hiasan

Selama: Bayi perempuan masih bertali pusat dan uri ditemukan di sebuah Pusat Pengajian Islam As Salam, Rantau Panjang di sini, semalam.

Ketua Polis Daerah Selama Superintendent Sarudin Samah berkata, sekitar 5.30 pagi, jemaah tahfiz yang mahu menunaikan solat subuh menemukan kotak mencurigakan di hadapan pintu pagar pusat tahfiz berkenaan.

Menurutnya, sebaik diperiksa, mereka menemukan bayi perempuan masih hidup di dalam kotak berkenaan.

"Polis percaya bayi berkenaan ditinggalkan di kawasan berkenaan dalam tempoh kurang tiga jam.

"Bayi itu kini ditempatkan di Hospital Taiping dan dalam keadaan stabil serta masih dalam rawatan," katanya dihubungi, hari ini.

Beliau berkata, pihaknya kini menjalankan siasatan mengikut Seksyen 317 Kanun Keseksaan.

"Pemeriksaan melalui rakan kamera litar tertutup pusat tahfiz itu tidak menemukan pelakunya, malah membuat pemeriksaan di klinik swasta juga tidak menemukan sebarang petunjuk.

"Polis menggesa orang awam yang mempunyai maklumat tampil membantu polis dan boleh menyalurkan maklumat di mana-mana balai polis berhampiran," katanya.



TAJUK : WIRA APM TERLANTAR AKIBAT MELECUR PERLU BANTUAN

HARI : ISNIN

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 8 JAN 2024

M/SURAT : 16

TONE : NEUTRAL

SEKTOR : KPWKM

Wira APM terlantar akibat melecur perlu bantuan

Kuching: Selepas berdepan detik hitam yang hampir meragut nyawa, Mohamad Syafiq Mohamad Ali Hanaffiah, 34, yang melecur 75 peratus badannya ketika mahu menyelamatkan mangsa kebakaran pada 28 Ogos lalu, kini terlantar kesakitan dan melalui fasa pemulihan yang memeritkan.

Kisah keberanian, namun menyayat hati sukarelawan Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) ini mendapat perhatian media tempatan serta wakil rakyat Sarawak, apatah lagi insan yang bertungkus-lumus mengurus rawatan ialah ibunya sendiri, Julia Jemat, 56.

Menurut ibu tunggal berkenaan, anak keempat daripada enam beradik itu dibenarkan keluar hospital pada hujung November lalu dan buat masa ini menerima penjagaan mencuci luka di rumah yang ditawarkan oleh Klinik Perubatan Teddy secara percuma.

"Luka perlu dibalut sekali setiap dua hari. Memang Syafiq perlu kuat semangat kerana proses itu sangat memedihkan, luhuh hati saya melihat dia meraung-tahan kesakitan sehingga tak dapat tidur.

"Kami dimaklumkan proses pemulihan mengambil masa setahun untuk keseluruhan luka pada badannya kering dan tiga tahun untuk pulih sepenuhnya," katanya ketika ditemui di kediamannya.

Julia mengakui pendapatannya sebagai tukang masak di Pusat Pemulihan Narkotik (PUSPEN) Kuching tidak mencukupi untuk menampung kos rawatan



Julia menguruskan Mohamad Syafiq ketika ditemui di Pangsapuri Stutong Height Fasa II, Kuching, semalam. (Foto BERNAMA)

tan anak lelaki sulungnya itu yang menelan belanja kira-kira RM3,000 sebulan, itu pun hanya untuk kos perubatan dan makanan.

"Doktor sarankan anak jalani kelas fisioterapi sebab dia tidak boleh bergerak sendiri. Perlu masuk kelas sekurang-kurangnya dua atau tiga kali seminggu dengan anggaran kos hampir RM3,000 sebulan bagi sesi fisioterapi sahaja," katanya yang turut menjual nasi lemak bagi menampung kos sara hidup.

Sebelum ini, Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti (KPWK) Sarawak, Datuk Seri Fatimah Abdullah dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Kitang, Datuk Lo Khare Chiang

melawat keluarga Julia dan memberi jaminan Mohamad Syafiq diberi rawatan sewajarnya.

"Berat mata memandang, berat lagi bahu saya nak memikul. Saya berterima kasih dengan YB (Yang Berhormat) yang datang melawat dan hulurkan bantuan, permudahkan urusan kami sekeluarga untuk memohon bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) serta Baitulmal.

"Untuk JKM, YB Fatimah berikan bantuan, antaranya katil, lampin, susu yang khusus untuk nutrisi anak saya serta bantuan sara hidup RM500 sebulan untuknya bermula Februari ini," katanya yang turut menanggung seorang lagi anak menghidap penyakit sawan.

Selain itu, jelasnya, Baitulmal

dan Persatuan Kebajikan Harapan Kuching (Hope Place) juga menghulurkan sumbangan seperti peralatan, bakul makanan serta wang ringgit.

Redah api selamat budak

Menceritakan tragedi kebakaran lima rumah di Rancangan Perumahan Rakyat (RPR) Batu Kawa, Julia berkata, Mohamad Syafiq meredah api marak demi menyelamatkan seorang kanak-kanak lelaki.

Katanya, ia bukan sesuatu yang di luar jangkaannya kerana anaknya itu sememangnya ringgan tulang sedari kecil dan tidak sanggup melihat orang sekeliling ditimpa kesusahan.

Mangsa, Zayyan Nazeem Zainal Abidin, 6, bagaimanapun

tidak berjaya diselamatkan dan ditemukan rentung oleh anggota bomba selepas api berjaya dipadam.

Berikutan insiden berkenaan, anggota APM berusia 34 tahun itu dilaporkan bertarung nyawa dan ditidurkan selepas dimasukkan ke zon merah Hospital Umum Sarawak dan disahkan mengalami kesan kebakaran tahap tiga.

Meskipun anaknya sehingga kini tidak dapat bertutur dengan jelas susulan kecederaan dialami, Julia lega apabila doktor mengesahkan ingatan serta penglihatan Mohamad Syafiq tidak terjejas sejour selepas anaknya sedar daripada koma yang berlanjutan hampir sebulan.

"Dia memang anak harapan dan sentiasa membantu, berkongsi rezeki kerana dia anak sulung lelaki dalam keluarga. Saya anggap ini ujian daripada tuhan, jadi kami sekeluarga perlu sentiasa kuat mengharungi dugaan ini dan percaya dia akan sembuh, insya-Allah.

"Saya mempunyai masalah tulang belakang dan sepatutnya menjalani pembedahan, namun terpaksa ditangguhkan untuk urus anak kerana dia masih perlu dibawa ke hospital untuk pemeriksaan secara berkala," katanya menahan sebak.

Disember lalu, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Sabah, Sarawak Dan Tugasan Khas) ketika itu, Datuk Armizan Mohd Ali, menganugerahkan Mohamad Syafiq 'Bintang Gagah Berani Pertahanan Awam' atas semangat keperwiraan yang dipamerkannya. BERNAMA



TAJUK : JKM SELAMATKAN 'PENYANYI JALANAN' DIEKSPLORITASI

HARI : ISNIN

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 8 JAN 2024

M/SURAT : 22

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Melaka: Demi pendapatan lumayan, ada segelintir ibu bapa didakwa sanggup mengeksploitasi anak mereka dengan menyanyi di kaki lima pusat beli-belah di Banda Hilir di sini, bagi meraih pendapatan hasil sumbangan orang ramai yang dianggarkan mencecah belasan ribu ringgit sebulan.

Dengan alasan untuk membantu mencari sumber pendapatan orang tua mereka, kanak-kanak itu dikatakan dipaksa bersenggang mata dan menghabiskan masa cuti persekolahan dengan menyanyi di kaki lima yang menjadi antara laluan utama pengunjung ke pusat beli-belah berkenaan.

Tindakan yang dianggap 'mengerah kudrat si kecil' itu dikesan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) negeri menerusi operasi khas yang dijalankan di sekitar pusat pelancongan itu, malam kelmarin.

Pengarah JKM negeri Zulkifli Hanifah berkata, operasi terbabit dijalankan

JKM selamatkan 'penyanyi jalanan' dieksploitasi



KALSOM bersama Zulkifli (kiri) menyual ibu kepada kanak-kanak lelaki yang menyanyi di kaki lima pusat beli-belah di Banda Hilir. - Gambar NSTP/AMIR MAMAT

selepas menerima banyak aduan orang awam terhadap kes seumpama itu kebanyakannya berlaku di kawasan pusat bandar yang menjadi tumpuan

pelancong.

Malah katanya, pihaknya menerima 30 kes berulang membabitkan eksploitasi kanak-kanak yang dilakukan sendiri oleh penjaga

atau ibu bapa mereka.

Beliau berkata, perkara itu mungkin didorong oleh pendapatan yang lumayan mampu diperoleh saban malam terutama pada hu-



Kami menerima 30 kes berulang membabitkan eksploitasi kanak-kanak yang dilakukan sendiri oleh penjaga atau ibu bapa mereka"

Zulkifli

jung minggu dan cuti umum.

"Ini jelas apabila ibu kepada dua kanak-kanak berusia 13 dan 15 tahun yang kita kesan (malam kelmarin) mengakui wang sumbangan tabung itu mampu diperoleh antara RM350 hingga RM600 satu malam.


"Ketiga-tiga kanak-kanak terbabit dibawa ke Pejabat JKM negeri untuk tindakan lanjut mengikut Akta Kanak-Kanak 2021 atau Akta 611," katanya selepas menyertai operasi

yang diketuai Exco Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti negeri Datuk Kalsom Noordin di Banda Hilir.

Mengulas lanjut, beliau berkata, operasi terbabit dijalankan bagi mengekang perkara itu daripada berleluasa kerana boleh mengganggu ketenteraman pengunjung khususnya di tempat tumpuan ramai.

Katanya, pihaknya sedang menjalankan siasatan lanjut bagi mengesan sekiranya terdapat pembabit dalam yang melindungi aktiviti eksploitasi kanak-kanak oleh ibu bapa atau penjaga mereka.

"Siasatan lanjut akan dijalankan bagi mengesan pihak itu selain memastikan kegiatan terbabit tidak menjadi 'trend' yang boleh merosakkan usaha kerajaan negeri dalam menyambut Tahun Melawat Melaka 2024," katanya.



TAJUK : KERANA KASIH NASIB BERUBAH

HARI : ISNIN

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 8 JAN 2024

M/SURAT : 04

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Kerana kasih nasib berubah

Oleh Mary Victoria
Dass
am@hmetro.com.my

Johor Bahru

Seorang remaja yang nyaris menjadi mangsa pemerdagangan manusia ketika berusia sembilan bulan pada 14 tahun lalu, kini cemerlang dalam akademik.

Sean Noah Zachariah, antara empat bayi diselamatkan polis dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Bagaimanapun, ibu bapanya tidak ditemukan berbanding bayi lain yang diserahkan kepada waris masing-masing.

Sean Noah dibesarkan di tiga pusat perlindungan sebelum dia menjadi anak angkat peniaga, Padma Zachariah dan pasangannya dari Cheras, Selangor yang tidak memiliki zuriat selepas 15 tahun berkahwin.

Padma berkata, Sean Noah dijadikan anak angkat pada 2013 dan suaminya mengambil cuti kerja selama tiga tahun pertama untuk menjadi pengasuh Sean Noah manakala dia menguruskan rumah tangga dan menjalankan perniagaan dari rumah.

"Sean Noah mengetahui dia anak angkat dan saya yakin fakta berkaitan anak angkat tidak boleh disembunyi atau dirahsia-

Limpahan sayang Permaisuri Johor bantu lonjak prestasi cemerlang remaja yang nyaris dijual ketika berusia 9 bulan

kan.

"Apa yang kami harungi menjadi proses indah untuk membentuk keluarga kecil kami ini. Prestasi akademiknya sangat baik sejak awal dan ia hasil atau kesan daripada peranan komuniti penyayang.

"Kami bersyukur, dengan bantuan insan berhati mulia termasuk Permaisuri Johor, Raja Zarith Sofiah Idris Shah, Sean Noah didaftar di Epsom College Malaysia di Bandar Enstek, Negeri Sembilan dua tahun lalu, yang mana bakatnya diketengahkan.

"Tahun lalu, Sean Noah mencatat prestasi akademik cemerlang selain aktif dalam pancaragam sekolah dan berenang secara kompetitif," katanya.

Terdahulu, Raja Zarith Sofiah bertitah, sempena ulang tahun kelahiran remaja itu yang ke-14 baru-baru ini, Sean Noah meng-

tar video dengan ucapan terima kasih kepada baginda yang banyak membantunya dalam pendidikan.

"Saya gembira dia (Sean Noah) melakukannya dengan baik, mengasah bakat dan melakukan bahagiannya untuk masyarakat pada usia begitu muda.

"Saya mendoakan yang terbaik untuk masa depannya. Saya sentiasa percaya komuniti memainkan peranan dalam pembesaran seseorang anak.

"Masyarakat memikul tanggungjawab membantu membuka jalan ke arah masa depan lebih cerah bagi generasi muda," titah baginda.

Sementara itu, Sean Noah berkata, dia bersyukur dengan kehidupannya.

"Saya anggap diri saya remaja istimewa, diberikan Biasiswa Kepimpinan Asean untuk menyertai Kolej Epsom, malah Permaisuri Johor menjadi antara insan yang memberi saya semangat.

"Perancangan masa depan saya mahu menetap di Johor, negeri kelahiran saya dan bapa dan berkhidmat kepada negeri dan rakyat dengan setiap ilmu yang saya peroleh," katanya menerusi perkongsian di akaun Facebook (FB) The Royal Johor.



"Saya anggap diri saya remaja istimewa, diberikan Biasiswa Kepimpinan Asean untuk menyertai Kolej Epsom, malah Permaisuri Johor menjadi antara insan yang memberi saya semangat"



TAJUK : WIRA API MERAUNG SAKIT

HARI : ISNIN

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 8 JAN 2024

M/SURAT : 19

TONE : NEUTRAL

SEKTOR : KPWK

Bernama

Kuching

Selepas berdepan detik hitam hampir meragut nyawa, Mohamad Syafiq Mohamad Ali Hanaffiah, 34, yang melecur 75 peratus badan ketika menyelamatkan mangsa kebakaran pada 28 Ogos tahun lalu, kini tertalar kesakitan dan melalui fasa pemulihan memeritkan.

Kisah keberanian namun menyayat hati anggota sukarelawan Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) itu mendapat perhatian media tempatan serta wakil rakyat Sarawak, apatah lagi insan yang bertungkus-lumus menguruskan rawatan Mohamad Syafiq ialah ibunya, Julia Jemat, 56, yang juga ibu tunggal.

Menurut Julia, anak keempat daripada enam beradik itu dicaj dari hospital pada hujung November lalu dan buat masa ini menerima penjagaan mencedi luka di rumah yang ditawarkan sebuah klinik swasta secara percuma.

"Luka (Mohamad Syafiq) perlu dibalut sekali setiap dua hari dan memang Syafiq perlu kuat semangat kerana proses itu sangat memedihkan. Luluh hati saya melihatnya meraung tahan kesakitan sehingga tidak dapat tidur.

"Kami dimaklumkan proses pemulihan mengambil masa setahun untuk keseluruhan luka di badannya kering serta tiga tahun untuk pulih sepenuhnya," katanya.

Julia mengakui pendapatannya sebagai tukang masak di Pusat Pemulihan Narkotik (Puspenn) Kuching tidak mencukupi untuk menampung kos rawatan anak lelaki sulungnya yang menelan perbelanjaan RM3,000 sebulan membatikan kos perubatan dan makanan sahaja.

"Sekarang, doktor sarankan anak saya menjalani kelas fisioterapi sebab dia tidak boleh bergerak, jadi perlu masuk kelas sekurang-kurangnya dua atau tiga kali seminggu dengan anggaran kos hampir RM3,000 sebulan bagi sesi fisioterapi sahaja," katanya yang turut menjual nasi lemak bagi menampung kos sara hidup.

Sebelum ini, Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti (KPWK) Sarawak Datuk Seri Fatimah Abdullah dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Batu Kitang Datuk Lo Khere Chiang dilaporkan melawat keluarga terabit serta

Wira api meraung sakit

Sukarelawan APM cuba selamat mangsa kebakaran berdepan proses pemulihan memeritkan selepas 75% badan melecur



JULIA memberi minum kepada Mohamad Syafiq yang kini hanya tertalar dan perlu diuruskan sepenuh masa.

memberi jaminan Mohamad Syafiq diberikan rawatan sewajarnya.

"Berat mata memandang, berat lagi bahu saya nak memikul. Terima kasih YB (Yang Berhormat) yang datang melawat dan hulus bantuan dan permudahkan urusan kami untuk memohon bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) serta Baitulmal.

"Untuk JKM, YB Fatimah beri bantuan katil, lampin, susu yang khusus untuk nutrisi ser-

ta bantuan sara hidup RM500 sebulan bermula Februari ini," katanya memaklumkan turut menanggung seorang lagi anak yang menghidap penyakit sawan.

Selain itu, katanya, Baitulmal dan Persatuan Kebajikan Harapan Kuching (Hope Place) juga menghulurkan sumbangan seperti peralatan, bakul makanan serta wang tunai.

Menceritakan tragedi kebakaran membatikan li-

ma rumah di Rancangan Perumahan Rakyat (RPR) Batu Kawa, Julia berkata, niat murni Mohamad Syafiq meredah api marak demi menyelamatkan seorang kanak-kanak lelaki, bukan sesuatu di luar jangkaan kerana anaknya itu sememangnya ringan tulang sejak kecil dan tidak sanggup melihat orang lain ditimpa kesusahan.

Mangsa, Zayyan Nazeem Zainal Abidin, 6, bagaimanapun gagal diselamatkan dan ditemukan rentung oleh anggota bomba ketika melakukan kerja overhaul selepas api dipadam.

Berikutan insiden berkenaan, Mohamad Syafiq dilaporkan bertarung nyawa dan ditidurkan selepas di-

masukkan ke zon merah Hospital Umum Sarawak dan disahkan mengalami kesan kebakaran tahap tiga.

Meskipun anaknya sehingga kini tidak dapat bertutur dengan jelas susulan kecederaan dialami, wanita itu menarik nafas lega apabila doktor mengesahkan ingatan serta penglihatan Mohamad Syafiq tidak terjejas sejeurus sedar daripada koma hampir sebulan.

"Dia anak harapan dan sentiasa bantu berkongsi rezeki kerana dia anak sulung lelaki dalam keluarga, namun saya anggap ini ujian daripada Tuhan.

Kami sekeluarga perlu sentiasa kuat mengharungi dugaan dan percaya dia sembuh, insya-Allah.

INFO

Selain Mohamad Syafiq Julia turut menanggung seorang lagi anak yang menghidap penyakit sawan

Julia turut mengalami masalah tulang belakang dan perlu menjalani pembedahan, namun ditangguhkan demi menguruskan Mohamad Syafiq ke hospital untuk pemeriksaan berkala


"Saya ada masalah tulang belakang dan sepatutnya menjalani pembedahan, namun ditangguhkan untuk menguruskan anak kerana dia perlu dibawa ke hospital untuk pemeriksaan berkala," katanya.

Pada Disember lalu, Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Sabah, Sarawak Dan Tugasan Khas) pada ketika itu, Datuk Armizan Mohd Ali, menganugerahkan Mohamad Syafiq 'Bintang Gagah Berani Pertahanan Awam' atas semangat kewiraan yang dipamerkannya.

Orang ramai yang ingin menghulurkan bantuan boleh menyalurkan ke akaun Affin Bank bernombor 200418005895 atas nama Julia Jemat.



"Sekarang, doktor sarankan anak saya menjalani kelas fisioterapi sebab dia tidak boleh bergerak, jadi perlu masuk kelas sekurang-kurangnya dua atau tiga kali seminggu dengan anggaran kos hampir RM3,000 sebulan bagi sesi fisioterapi sahaja"



TAJUK :	DALAT REP DISBURSES RM256,000 IN MRP GRANTS TO 14 JKCC'S		
HARI :	ISNIN	AKHBAR :	THE BORNEO POST
TARIKH :	8 JAN 2024	M/SURAT :	06
TONE :	POSITIF	SEKTOR :	KPWKM

Dalat rep disburses RM256,000 in MRP grants to 14 JKCCs

SIBU: Fourteen village security and development committees (JKCCs) in the Dalat district received the Minor Rural Project (MRP) grants totalling RM256,000 on Saturday.

The grants, in the form of cheques, were presented to the recipients by Dalat assemblywoman Dato Sri Fatimah Abdullah, who is also Minister of Women, Childhood and Community Wellbeing Development.

After the cheque presentation, Fatimah declared open the nine-a-side 'Dato Sri Fatimah Abdullah Challenge Cup' football championship, organised by Parti Pesaka Bumiputera Bersatu

(PBB) Dalat Youth Movement.


In her speech, Fatimah said the competition was initiated some ten years ago and the last time it was held was in 2018.

"Nineteen teams from around the Mukah division are participating in this year's match," she said, adding that the football championship was organised as a platform for the community, especially the youths, to showcase their sports talents.

The minister also held a meeting with PBB Dalat and Dalat district education committee prior to the cheque presentation ceremony.



Fatimah (centre) presents the MRP cheque to a recipient.



TAJUK : FIVE MONTH ON, APM VOLUNTEER STILL UNDERGOING UNBEARABLE BURN REHAD

HARI : ISNIN

AKHBAR : THE BORNEO POST

TARIKH : 8 JAN 2024

M/SURAT : 04

TONE : NEUTRAL

SEKTOR : KPWKM

Five months on, APM volunteer still undergoing unbearable burn rehab

KUCHING: On Aug 28 last year, Mohamad Syafiq Mohamad Ali Hanaffiah, 34, cheated death while trying to save a boy during a fire, but tragically ended up sustaining severe third-degree burns over 75 per cent of his body.

Nearly five months on, he is still bedridden while undergoing an unbearably painful recovery process.

The heartbreaking and courageous story of this Civil Defence Force (APM) volunteer has received the attention of local media and Sarawak's elected representatives.

However, the one person who is struggling daily to manage Mohamad Syafiq's treatment is his mother Julia Jemat, 56, who is also a single parent of six.

According to Julia, her fourth child was discharged from the hospital at the end of November last year and is currently undergoing burn rehabilitation at home, with treatment costs fully sponsored by Teddy Medical Clinic.

"His wounds need to be dressed every two days and Syafiq has to be strong because it is a very painful process. It breaks my heart to see him screaming in pain. He is also unable to sleep due to the pain.

"We were informed that the wounds on his body would take a year to dry up and a full recovery would take three years," she said when met at her home recently.

Julia, who works as a cook at the Kuching Narcotics Rehabilitation Centre (Puspen), said her income is insufficient to cover his treatment which costs about RM3,000 per month in terms of just medicine and food.

"The doctor has now suggested physiotherapy because he cannot move on his own and needs to have at least two or three sessions weekly. This would be an additional cost of about RM3,000 per month," said Julia, who also sells nasi lemak to earn extra income.

Previously, it was reported that Minister of Women, Children and Community Wellbeing Development Dato



Julia tends to Mohamad Syafiq at her home.

Sri Fatimah Abdullah, and Batu Kitang assemblyman Datuk Lo Khare Chiang, had visited the family and gave assurances that Mohamad Syafiq would be provided suitable treatment.

"It is painful for me to witness his suffering and the burden is heavier to bear. But I am grateful to YB Fatimah who visited us and extended help. It eased our application to the Social Welfare Department (JKM) and Baitulmal.

"YB Fatimah, through JKM, provided a bed, diapers, special milk formula, and a monthly allowance of RM500 for him starting this February," she said, adding that she is also a caregiver for one of her children who has epilepsy.

She added that Baitulmal and welfare organisation Hope Place Kuching have also donated equipment, food baskets and cash.

Narrating the tragedy of the fire that engulfed five houses in the Batu Kawa People's Housing Project (RPR), Julia said Mohamad Syafiq's pure intention of braving the raging fire to save a boy was not surprising because he is a light-hearted person, even from childhood, and hated to see people in trouble.

Sadly, Zayyan Nazeem Zainal Abidin, 6, the boy he was trying to save, did not survive, and his body was found by firefighters after the fire was extinguished.

It was reported that Mohamad

Syafiq was fighting for his life after sustaining third-degree burns and had to be put into a coma at Sarawak General Hospital.


Although he is still unable to speak clearly, Julia was relieved when doctors confirmed that Mohamad Syafiq's memory and vision were not affected after he regained consciousness from the nearly month-long induced coma.

"I have always pinned my hopes on him as he is the eldest son and shares in family responsibilities. I think this is a test from God so our family must continue to be strong to overcome this challenge and have faith that he will recover fully, insya-Allah.

"I also have a spinal problem which needs surgery but had to postpone it to care for my son. He still needs to be taken to the hospital for regular check-ups," she said while trying to hold back tears.

In December last year, the then Minister in the Prime Minister's Department (Sabah, Sarawak Affairs and Special Duties) Datuk Armizan Mohd Ali presented Mohamad Syafiq with the 'Bintang Gagah Berani Pertahanan Awam' award for his heroic deed.

Members of the public wishing to help Mohamad Syafiq's family ease their burden can donate to Julia through her Affin Bank account (200418005895). — Bernama



TAJUK : HERO RECOVERING IN PAIN

HARI : ISNIN

AKHBAR : THE STAR

TARIKH : 8 JAN 2024

M/SURAT : 11

TONE : NEUTRAL

SEKTOR : KPWKM

Hero recovering in pain

Third-degree burn victim is now bedridden and reliant on his mum

KUCHING: Civil defence volunteer Mohamad Syafiq Mohamad Ali Hanaffiah suffered severe burns when he rushed into a fire to try and save a boy.

Months later, the 34-year-old, who is now bedridden, is still screaming in pain whenever his wounds are dressed.

His mother, Julia Jemat, 56, said his wounds needed to be dressed every two days.

"He has to be strong because it is a very painful process. It breaks my heart to see him screaming in pain. He is also unable to sleep due to the pain.

"We were informed that the wounds on his body would take a year to dry and a full recovery would take three years," said the single mother of six when met at her home recently.

Mohamad Syafiq was discharged from the hospital at the end of November last year after being treated for third-degree burns over 75% of his body. He is currently undergoing burn rehabilitation at home with treatment costs fully sponsored by the Teddy Medical Clinic.

Unfortunately, he could not save the six-year-old boy, Zayyan Nazeem Zainal Abidin, who was killed in the fire at the Batu Kawa People's Housing Project on Aug 28, 2023.

Julia, who works as a cook at the Kuching Narcotics Rehabilitation Centre, said although Mohamad Syafiq still could not speak clearly, she was relieved when doctors confirmed that his memory and vision had not been affected.

"I have always pinned my hopes on him as he is the eldest son and shares the family responsibilities.



A day in the life of a caregiver: Julia attending to Mohamad Syafiq when met by reporters at the Stutong Height Phase II Apartment. — Bernama

I also have a spinal problem that needs surgery but had to postpone it to care for my son. He still needs to be taken to the hospital for regular check-ups," she said, trying to hold back tears.

Julia said her income was insufficient to cover his treatment which costs about RM3,000 per month for just medicine and food.

"The doctor has now suggested physiotherapy because he cannot move on his own and needs to have at least two or three sessions weekly.

"This would be an additional cost of about RM3,000 per month,"

said Julia, who also sells nasi lemak to earn extra income.


Sarawak's Women, Children, and Community Welfare Minister Datuk Seri Fatimah Abdullah and Batu Kitang assemblyman Datuk Lo Khere Chiang had earlier visited the family and given their assurances that Mohamad Syafiq would be provided with suitable treatment.

"It is painful for me to witness his suffering and the burden is heavier to bear. But I am grateful to Yang Berhormat who visited us and extended help. It eased our application to the Social Welfare

Department and Baitulmal," said Julia, who is also a caregiver to her other child with epilepsy.

She said through the Social Welfare Department, Mohamad Syafiq would be provided with a bed, diapers, special milk formula and a RM500 monthly allowance starting in February.

Last December, the then Minister in the Prime Minister's Department (Sabah, Sarawak Affairs and Special Duties) Datuk Armizan Mohd Ali presented Mohamad Syafiq with the 'Bintang Gagah Berani Pertahanan Awam' award for his heroic deed.



TAJUK :	DR WAN AZIZAH SAMPAIKAN SUMBANGAN KEPADA PEMUDA OKU HIDAP PELBAGAI PENYAKIT		
HARI :	ISNIN	AKHBAR :	UTUSAN BORNEO (SARAWAK)
TARIKH :	8 JAN 2024	M/SURAT :	06
TONE :	POSITIF	SEKTOR :	KPWKM

Dr Wan Azizah sampaikan sumbangan kepada pemuda OKU hidap pelbagai penyakit

KUALA LUMPUR: Isteri Perdana Menteri Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail semalam menyampaikan sumbangan kepada pemuda Orang Kurang Upaya (OKU) Nor Aliff Mohd Nor, yang menghidap pelbagai penyakit di kediamannya di Perumahan Awam Sri Johor di Cheras di sini.

Selain cacat fizikal, Nor Alif, 37, juga menghidap penyakit jantung, kencing manis, gout dan lumpuh separuh badan, menetap bersama dua adik-beradik lain yang berusia 14 dan 16 tahun setelah kematian ibu mereka.

Wan Azizah berkata banyak perkara yang perlu dibantu dan difahamkan Nor Aliff juga ada berhubung dengan hospital yang menyebabkan rawatannya perlu dihentikan.

“Jadi, kita sedang usahakan untuk menyambung semula rawatannya itu. Kita juga akan bagi bantuan makanan untuk adik-adiknya selain akan cuba permudahkan urusan persekolahan mereka,” kata Wan Azizah kepada pemberita selepas menyantuni pemuda berkenaan.


Dr Wan Azizah yang juga Ahli Parlimen Bandar Tun

Razak berkata Yayasan Wilayah Persekutuan turut menyumbangkan wang tunai dan bantuan bulanan RM500 daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), selain bantuan daripada Tabung Kebajikan serta Pelajaran Yayasan Wilayah Persekutuan.

Pada masa sama, Dr Wan Azizah turut mengalu-alukan mana-mana individu atau syarikat korporat yang prihatin untuk terus menyumbang kepada Yayasan Wilayah Persekutuan bagi membantu meningkatkan taraf hidup warga Wilayah Persekutuan. — Bernama



PRIHATIN: Dr Wan Azizah (kiri) melawat dan menyampaikan sumbangan kepada Nor Aliff yang menghidap penyakit kronik pada Program Penyerahan Bantuan Khas di Perumahan Awam Sri Johor di Kuala Lumpur, semalam. — Gambar Bernama



TAJUK : FATIMAH AGIH GERAN MRP BERNILAI RM256,000 KEPADA 14 JKKK DI DALAT

HARI : ISNIN


AKHBAR : UTUSAN BORNEO (SARAWAK)

TARIKH : 8 JAN 2024

M/SURAT : 04

TONE : NEUTRAL

SEKTOR : KPWKM



MANFAATKAN: Fatimah (tengah) menyerahkan geran MRP kepada salah seorang wakil JKCC di Dalat, kelmarin.

Fatimah agih geran MRP bernilai RM256,000 kepada 14 JKCC di Dalat

SIBU: Sejumlah RM256,000 disumbangkan menerusi geran projek kecil luar bandar (MRP) Fasa 4 Tahun 2023 kepada 14 Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKCC) Daerah Dalat di sini.

Geran disampaikan Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti Dato Sri Fatimah Abdullah pada program lawatan kerjanya di Dalat, kelmarin.

Di samping itu, Fatimah merasmikan Pertandingan Bola Sepak 9 Sebelah Piala Pusingan Yang Berhormat Dato Sri Hajah Fatimah Abdullah (YBDSHFA) anjuran

Pergerakan Pemuda PBB Cawangan N.56 Dalat.

Dalam ucapannya beliau berkata, YBDSHFA telah dimulakan hampir 10 tahun lepas dan kali terakhir diadakan pada 2018 manakala tahun berikutnya tidak dapat dijalankan kerana masalah COVID-19 yang melanda.

“Pada tahun ini, terdapat 19 pasukan dari sekitar bahagian Mukah menyertai pertandingan kali ini.

“Acara ini juga secara tidak langsung menjadi wadah kepada masyarakat terutama belia dan pemuda untuk menyerlahkan bakat dalam sukan bolasepak.

”Bakat-bakat yang dikenal pasti akan digilap supaya mampu bergerak lebih jauh dan bersinar menjadi bintang arena bola sepak Sarawak khususnya dan Malaysia amnya,” katanya.

Terdahulu, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Dalat itu turut menghadiri mesyuarat bersama Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB) Cawangan N.56 Dalat.

Kemudian, beliau meneruskan mesyuarat bersama Skwad Kasih Sayang (SKS) PBB N.56 Dalat dan Jawatankuasa Pendidikan Daerah Dalat.



TAJUK : WIRA APM LALUI PEMULIHAN MEMERITKAN

HARI : ISNIN

AKHBAR : UTUSAN BORNEO (SARAWAK)

TARIKH : 8 JAN 2024

M/SURAT : 01&04

STONE : NEUTRAL

SEKTOR : KPWKM

Wira APM lalui pemulihan memeritkan

Uleh Razlin Rusharmeen Rosmin

KUCHING: Setelah berdepan detik hitam yang hampir meragut nyawa, Mohamad Syafiq Mohamad Ali Hanaffiah, 34, yang melecur 75 peratus badannya ketika mahu menyelamatkan mangsa kebakaran pada 28 Ogos tahun lepas, kini terlantar kesakitan dan melalui fasa pemulihan yang memeritkan.

Kisah keberanian namun menyayat hati anggota sukarelawan Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) itu telah mendapat perhatian media tempatan serta wakil rakyat Sarawak, apatah lagi insan yang bertungkus-lumus menguruskan rawatan Mohamad Syafiq lalah ibunya sendiri, Julia Jemat, 56, yang juga seorang ibu tunggal.

Menurut Julia, anak keempat daripada enam beradik itu sudah discaj dari hospital pada hujung November lepas dan buat masa ini menerima penjagaan mencedi luka di rumah yang ditawarkan oleh Klinik Perubatan Teddy secara percuma.

"Luka (Mohamad Syafiq) perlu dibalut sekali setiap dua hari dan memang Syafiq perlu kuat semangat kerana proses itu sangat memedihkan...Juluhati saya melihatnya meraung tahan kesakitan sehingga tidak dapat tidur."
"Kami dimaklumkan proses pemulihan mengambil masa setahun untuk keseluruhan luka di badannya itu kering serta tiga tahun untuk pulih sepenuhnya," katanya ketika ditemui di kediamannya baru-baru ini.

Julia mengakui pendapatannya sebagai tukang masak di Pusat Pemulihan Narkotik (PUSPEN) Kuching tidak mencukupi untuk menampung kos rawatan anak lelaki sulungnya itu yang menelan perbelanjaan kira-kira RM3,000 sebulan melibatkan kos perubatan



WIRA: Julia bersama anaknya Mohamad Syafiq yang melecur 75 peratus badannya semasa menyelamatkan mangsa kebakaran pada 28 Ogos lalu, ketika ditemui pemberita di Pangsapuri Stutong Height Fasa II, Kuching semalam. — Gambar Bernama

● Mohamad Syafiq Mohamad Ali Hanaffiah yang melecur 75% badannya ketika mahu menyelamatkan mangsa kebakaran pada 28 Ogos 2023, kini terlantar kesakitan

dan makanan sahaja.

"Sekarang ini, doktor menyarankan agar anak saya menjalani kelas

fisioterapi sebab dia tidak dapat bergerak sendiri jadi perlu masuk kelas sekurang-kurangnya dua atau

tiga kali seminggu dengan anggaran kos yang perlu kami tanggung hampir RM3,000 sebulan bagi sesi fisioterapi sahaja," katanya yang turut menjual nasi lemak bagi menampung kos sara hidup.

Sebelum ini, Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti (KPWK) Dato Sri Fatimah Abdullah dan Ahli Dewan Undangan Negeri Batu Kintang Dato Lo Khere Chiang dilaporkan melawat keluarga tersebut serta memberi jaminan agar Mohamad Syafiq diberikan rawatan sewajarnya.

◆ Lihat Muka 4

Wira APM lalui pemulihan memeritkan

◆ Dari Muka 1

"Berat mata memandang, berat lagi bahu saya nak memikul...saya berterima kasih dengan YB (Yang Berhormat) yang datang melawat dan hulurkan bantuan dan permudahkan urusan kami sekeluarga untuk memohon bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) serta Baitulmal.

"Untuk JKJ, YB Fatimah berikan bantuan antaranya katil, lampin, susu yang khusus untuk nutrisi anak saya serta bantuan sara hidup RM500 sebulan untuknya bermula Februari ini." katanya sambil menambah, beliau turut menanggung seorang lagi anak yang menghidap penyakit sawan.

Selain itu, jelanya Baitulmal dan Persatuan Kebajikan Harapan Kuching (Hope Place) juga menghulurkan sumbangan seperti peralatan, bakul makanan serta wang ringgit.

Menceritakan tragedi kebakaran melibatkan lima rumah di Rancangan Perumahan Rakyat (RPR) Batu Kawa, Julia berkata niat murni Mohamad Syafiq meredah api marak demi menyelamatkan seorang

kanak-kanak lelaki, bukanlah sesuatu yang di luar jangkannya kerana anaknya itu sememangnya ringan tulang sedari kecil dan tidak sanggup melihat orang sekelilingnya ditimpa kesusahan.

Mangsa, Zeyyan Nazeem Zainal Abidin, 6, bagaimanapun tidak berjaya diselamatkan dan ditemukan rentung oleh anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Sarawak, ketika melakukan kerja 'overhaul' selepas api berjaya dipadam.

Berikutan insiden berkenaan, anggota APM berusia 34 tahun itu dilaporkan bertarung nyawa dan ditidurkan setelah dimasukkan ke zon merah Hospital Umum Sarawak dan disahkan mengalami kesan kebakaran tahap tiga.

Meskipun anaknya sehingga kini masih tidak dapat bertutur dengan jelas susulan kecederaan yang dialami, wanita itu menarik nafas lega apabila doktor mengesahkan ingatan serta penglihatan Mohamad Syafiq tidak terjejas sejezur selepas beliau sedarkan diri daripada koma yang berlanjutan hampir sebulan.

"Dia memang anak hara-

pan dan sentiasa membantu berkongsi rezeki kerana dia anak sulung lelaki dalam keluarga namun saya anggap ini ujian daripada Tuhan jadi kami sekeluarga perlu sentiasa kuat mengharungi dugaan ini dan percaya dia akan sembuh, insya-Allah.

"Saya mempunyai masalah tulang belakang dan sepatutnya menjalani pembedahan namun terpaksa ditangguhkan untuk menguruskan anak saya kerana dia masih perlu dibawa ke hospital untuk pemeriksaan secara berkala," katanya menahan sebak.

Pada Disember lepas, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Sabah, Sarawak dan Tugasan Khas) pada ketika itu Datuk Armizan Mohd Al menganggarkan Mohamad Syafiq 'Bintang Gagah Berani Pertahanan Awam' atas semangat kewiraan yang dipamerinya.

Orang ramai yang ingin menghulurkan bantuan kepada keluarga ini bagi meringankan beban boleh menyalurkan bantuan menerusi akaun Affin Bank bernombor 200418005895 atas nama Julia Binti Jemat. — Bernama